

# JADIKAN AMALAN HIDUP

UM 14 APR 1982

**K**OTA KINABALU 13 April  
- Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahukan setiap rakyat menjadikan slogan bersih, cekap dan amanah sebagai satu amalan hidup dan ramuan utama untuk membawa negara ke arah kejayaan.

Perdana Menteri berkata, jika setiap rakyat termasuk kakitangan kerajaan dapat mengamalkan slogan itu, Malaysia akan muncul sebagai sebuah negara membangun yang maju dan berjaya serta dihormati.

Beliau menegaskan setiap rakyat perlu serius dan bertanggungjawab untuk mencapai maksud slogan bersih, cekap dan amanah

Oleh: KHALID MOHD

dan bukannya sekadar bercakap mengenai sahaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir berucap merasmikan projek perumahan Taman Bersatu di sini hari ini yang diusahakan secara bersama oleh Jaya Usaha Bersatu Sendirian Berhad.

## Capai kejayaan

Perdana Menteri berkata, sikap amanah perlu ada pada setiap orang tanpa mengira kaum serta kedudukan atau tanggungjawabnya dalam masyarakat kerana tanpa sikap itu rakyat tidak boleh mencapai sebarang kejayaan.

"Di samping kerajinan, kita semua mesti amanah kerana ia adalah penting untuk kita mencapai kejayaan", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, nilai-nilai yang bersih, cekap dan amanah hendaklah dipegang kuat oleh setiap rakyat untuk menjamin kemajuan dan kejayaan negara.

"Inilah harapan saya dan harapan kita semua. Kita harus serius dan bertanggungjawab untuk mencapai maksud bersih, cekap dan amanah", tegasnya.

Perdana Menteri berkata, slogan bersih, cekap dan amanah jika diamalkan dengan bersungguh-sungguh bukan sahaja akan memperbaiki taraf hidup seseorang itu, tetapi akan juga menyumbang ke arah meningkatkan lagi ekonomi negara.

Beliau menegaskan slogan tersebut bukanlah sesuatu untuk digunakan begitu sahaja tanpa matlamat tertentu.

"Perbuatan-perbuatan kita mestilah se-cok dengan harapan yang terkandung di dalam slogan itu", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, setiap rakyat tidak kira di mana juga mereka berada atau pekerjaan apa yang mereka buat hendaklah meninggalkan kecekapan dan kerajinan masing-masing bagi memenuhi hasrat slogan bersih, cekap dan amanah.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mengingatkan bahawa negara ini tidak boleh selama-lamanya bergantung pada orang lain untuk bergerak mencapai cita-cita sebuah negara maju.

Beliau berkata, pelaksanaan projek perumahan Taman Bersatu adalah satu contoh bagaimana syarikat swasta yang sedia mengamalkan slogan bersih, cekap dan amanah dapat membantu kerajaan memenuhi keperluan tempat tinggal rakyat.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, pihak

UMNO perlu memainkan peranan bersama dengan kerajaan untuk memajukan negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Jika swasta juga dapat mengamalkan slogan itu katanya, beliau yakin mereka tidak akan terlalu memikirkan soal mengaut keuntungan semata-mata, tetapi mengutamakan juga tanggungjawab melindungi rakyat.

Kemudahan tempat tinggal, kata Perdana Menteri, hanya boleh disediakan oleh sebuah kerajaan yang cekap dan sedia berkhidmat untuk kepentingan rakyat.

Terdahulu dari itu ketika berucap kepada rakyat Sabah yang menyambut ketibaannya di Lapanganterbang Kota Kinabalu, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan mereka tentang pen-

tingnya kerajaan negeri yang memerintah sekarang dikekalkan.

Tegasnya, pembangunan pesat yang telah dilalui oleh Sabah sejak ia memasuki Malaysia perlu diteruskan kerana matlamat yang hendak ditujui masih jauh dan memerlukan sebuah kerajaan yang cekap dan

beramanah.

"Negeri kita yang terdiri dari berbagai kaum memerlukan persefahaman supaya sebuah kerajaan yang kuat dapat diadakan", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, Sabah harus bangga dengan kejayaan yang

telah dicapainya setakat ini dan beliau berharap kejayaan itu diteruskan dengan adanya Kerajaan Barisan Nasional.

"Saya harap Kerajaan Barisan Nasional ini dapat dikekalkan untuk menjaga kestabilan dan keamanan Sabah dan seluruh negara", katanya.